



22120187



International Baccalaureate®
Baccalauréat International
Bachillerato Internacional

MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Thursday 10 May 2012 (morning)

Jeudi 10 mai 2012 (matin)

Jueves 10 de mayo de 2012 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.
- The maximum mark for this examination paper is *[25 marks]*.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est *[25 points]*.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es *[25 puntos]*.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1.

Kata-katanya meluru keluar dengan deras.

“Hidup sebantal denganmu ternyata tidak panjang. Kita tamatkan saja hubungan kita. Kita tamatkan sampai di sini. Tepatnya, sampai di sini sajalah jodoh kita,” katanya sungguh-sungguh, sambil menyeka air liurnya yang meleleh.

5 Aku merenung bibirnya. Rasa tidak percaya memacu kepalaku. Bagi seorang isteri sepertiku, tidak ada lagi hukuman paling berat daripada hukuman memutuskan ikatan perkahwinan yang asalnya disimpul dengan erat dan kukuh.

Aku merenung lagi wajahnya. Wajahnya bengis dan merah semerah kulit udang kepanasan. Dikenyitkan lagi matanya yang sedikit cacat itu, menggerunkan lagi hatiku.

10 Dadaku berdegup dengan debaran jantungku yang kuat. Apalagi, kata-kata itu panas menyentuh hati kecilku.

Kalau dikatakan kata-kata itu suatu mainan atau ancaman saja, memang tidak masuk akal kerana dia telah beberapa kali mengutarakannya. Kerana itu, akalku telah menerimanya. Sungguh bukan suatu mainan rupanya.

15 Aku masih gagah.

Rasanya tidak wajar menjawab kata-kata suami yang sedang panas hatinya. Justeru, aku masih terus membatu, sedikit-sedikit cuba mengumpul kekuatan lewat sisa iman yang masih berdenyut. Barangkali kerana itulah, panas di dadanya bagai meruap saja. Lalu, dia mendekatiku. Aku memasang waspada, bersiap sedia mengelak buku lima yang bakal diberinya.

20 Mulutnya hampir didekatkan ke telingaku. Aku bertahan untuk tidak menterjemahkan kedatangannya sebagai suatu keberangan. Lalu, aku diam lagi.

“Kau dengar Ria,” tukasnya sambil menarik tanganku dengan kasar.

Aku cuba mengelak, namun usahaku gagal kerana tangannya sudah erat memegang pergelangan tanganku.

25 Aku mulai sedar bahawa dia bukanlah waras asli kerana mulutnya ternyata menghamburkan bau samsu.

Aku diam dalam ketakutan. Kuduga tangannya pasti ringan untuk sekali lagi menampakkan keperkasaan waktu mabuknya. Dengan suara yang garau dan kasar dia berkata, “dengar sini, Ria. Ini Edwin.” Dia mengulangi lagi kata-katanya sambil tangannya menampar-nampar dadanya – petunjuk rasa bongkak dan tinggi diri. Dan aku memasang telinga bukan kerana mengikut perintah tetapi justeru kerana dilanda sejuta tanda tanya. Ketakutan menggunung di dadaku.

30 “Kenapa?” Kucuba membuka mulut, lebih sebagai pembelaan sendiri.

Matanya terjegal besar. Buih air liurnya meletup di bibir, lalu bau samsu pun merebak di ruang tamu rumah kami.

35 Aku menutup mulut. Loya benar tekakku, apalagi aku sememangnya sedang mengalami *morning sickness*.

“Dengar sini, Ria. Aku tidak mabuk. Dengar sini baik-baik,” ucapnya lagi. Tangan kirinya memegang daguku. Kemudian, dengan kasar dan kuat ia memicitnya dengan berang. Aku berdebar sungguh-sungguh. Takut-takut perutku pula menjadi sasarannya.

40 Oleh itu aku menangis. Tangannya kutepis, lalu jatuh meluyur, kemudian badannya hampir-hampir rebah kerana tidak stabil oleh mainan mabuknya.

Melihat keadaan kami yang bertengkar, Erwin anak ketiga kami yang masih kecil, menangis ketakutan. Aku amat kasihan melihatnya. Dua orang anak kami yang lain, Roger dan Harold, sudah tidur kerana keletihan. Petang tadi, mereka ada latihan kokurikulum di padang sekolah, tidak jauh dari rumah kami.

45 Akhirnya, aku gendong Erwin yang masih kecil itu sebagai suatu senjata sambil mengharapkan agar tidaklah nanti bapanya sesuka hati melepaskan pukulan terhadapku. Erwin kuanggap sebagai penampan bencana.

50 Aku memberanikan diri untuk bercakap, “Abang tak puas lagi memukul isteri?” Kataku dalam esak. Sakit daguku masih terasa.

Daniel Jebon Janaun, *Sangkar Demokrasi* (2001)

- Apakah tema dan persoalan yang dikemukakan dalam petikan di atas?
- Bagaimanakah pengarang membina perwatakan antagonis?
- Apakah sikap pengarang terhadap wanita melalui petikan ini?
- Bagaimanakah pendapat anda tentang beberapa isu yang dibangkitkan dalam petikan ini?

2.

Penyesalan

Aku teringat walau terpelanting jauh ke pantai waktu
semasa kecil, tanya ibu
kau sayang padaku?
ketika rajin membuat jemput-jemput pisang
5 untuk mengisi perut yang kosong sebelum ke sekolah
dengan secangkir teh susu kesukaanku.

Pagi dingin itu
di tengah-tengah nikmat tegukan teh susu
dan jemput-jemput pisang panas istimewa ibu
10 beriya-iyanya aku berjaji
apabila besar aku akan jaga ibu
berbudi berjasa sampai ke mati
tanda sayang tanda kasih ketika itu.

Apabila aku dewasa dan beristeri cantik
15 aku termandam dengan bunyi seruling baru
yang telah merampasku daripada dakapan ibu
juga dari jemput-jemput pisang dan teh susunya
yang sudah terasa jemu dan loya.

Aku berasa hairan
20 mengapa aku si kecil itu
yang bersungguh-sungguh memahat janji
telah menodai kasih ibu yang sejati
mengapa aku yang kononnya
penyayang dan perasa
25 telah menjarumi kalbu
seorang wanita yang tak jemu-jemu
membuat jemput-jemput pisang dan teh susu
hingga ke hari-hari dewasaku
semata-mata kerana perempuan muda berseruling merdu
30 yang menyelinap ke dalam hidupku
segala-galanya menjadi asing dan kaku.

Peter Augustine Goh, *Cetusan Kalbu Seorang Penyair* (2007)

- Bincangkan kesesuaian tajuk dengan persoalan sajak ini.
- Bagaimanakah gubahan nada mempengaruhi penghayatan sajak ini?
- Bagaimanakah anda menerangkan kepentingan stanza akhir?
- Apakah kesan yang dicapai melalui penggunaan sudut pandangan orang pertama?